

# KPKT pinda akta bantu mangsa penipuan rumah

➔ Skop fungsi tribunal tuntutan diperluas tangani kes pembeli ditipu syarikat perumahan

Oleh Faris Fuad dan Ilman Hafizuddin Raflee  
bhnews@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

**K**ementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan meminda Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118), awal tahun 2019.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar, berkata ia membolehkan pihaknya memperluaskan skop fungsi Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah bagi membantu mangsa yang ditipu syarikat perumahan selepas memberi wang deposit.

Ketika ini, katanya, pindaan itu berada pada peringkat kajian untuk memastikan ia dilaksanakan secara menyeluruh.

"Kita mahu perluaskan skopnya (akta berkenaan). Kita mahu membantu mangsa, mereka yang mem-

berikan deposit dan wang lesap akibat ditipu syarikat perumahan.

"Kita harap dalam setahun ini, boleh gubal akta berkenaan, jangkaun awal 2019," katanya pada sidang media di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, N Jayaselan.

## Tawar tiga alternatif

Pada masa sama, Noh berkata, KPKT menawarkan tiga alternatif utama bagi membantu mangsa penipuan syarikat perumahan, DBI Properties, untuk memiliki kediaman sendiri.

Katanya, tiga bantuan itu ialah Skim Pinjaman Perumahan (SPP), Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit).

"Kementerian ada lancarkan beberapa skim perumahan, contohnya bagi SPP, tetapi mereka perlu ada tanah.

"Kita akan bina sebuah rumah bernilai RM60,000 dan mereka boleh membayar secara angsuran kepada kerajaan dalam tempoh 15 tahun hingga 20 tahun. KPKT ada jadual penuh mengenai butiran tempoh itu.

"PPR pula menggunakan konsep sewa beli, namun ia membabitkan rumah sedia ada. Sebagai contoh, PPR di Kepong berharga RM200,000, namun kita tawarkan hanya RM35,000 dan boleh mem-

bayar secara angsuran.

"Yang ketiga, kita sediakan geran RM30,000 menerusi MyDeposit. Semua skim ditawarkan ada syaratnya, namun ia dilonggarkan khas untuk mangsa penipuan syarikat perumahan terbabit," katanya.

Sementara itu, mangsa penipuan projek perumahan terbabit, berharap pihak yang mendalangi penipuan itu dikenakan hukuman setimpal oleh pihak berkuasa.

## Lebih berhati-hati

"Malang sekali buat kami, selepas menaruh kepercayaan penuh kepada syarikat perumahan itu bagi memenuhi impian mendapatkan rumahnya, akhirnya tertipu.

"Pengalaman ditipu pemaju perumahan membuatkan saya lebih berhati-hati, termasuk memeriksa latar belakang syarikat melaksanakan projek sebelum membuat sebarang bayaran deposit," kata mangsa yang mahu dikenali sebagai Asmadi, 40.

Sementara itu, pesara Tenaga Nasional Berhad (TNB), Mohtar Salleh, 62, berkata beliau hanya menerima RM5,000 daripada keseluruhan deposit RM10,000 yang dibayar kepada syarikat pemaju perumahan terbabit.

"Saya berharap KPKT dapat membantu menyelesaikan isu berbangkit. Ketika ini, keluarga saya akan memperhalusi tawaran yang diterima daripada KPKT mengikut keupayaan semasa," katanya.



Kita mahu membantu mangsa, mereka yang memberikan deposit dan wang lesap akibat ditipu syarikat perumahan"

Noh Omar,  
Menteri Kesejahteraan  
Bandar, Perumahan  
dan Kerajaan  
Tempatan



Saya hanya menerima RM5,000 daripada keseluruhan deposit berjumlah RM10,000 yang dibayar kepada syarikat pemaju perumahan terbabit"

Mohtar Salleh,  
Pesara TNB



Malang sekali buat kami, selepas menaruh kepercayaan penuh kepada syarikat perumahan itu bagi memenuhi impian mendapatkan rumahnya, akhirnya tertipu"

Asmadi,  
Mangsa penipuan